



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KERACUNAN MAKANAN DISYAKI AKIBAT UMBUT (UPA) ROTAN BERACUN TATAU, SARAWAK

Bintulu, 17 November 2025 - Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak merujuk laporan media berkenaan kejadian keracunan makanan yang menyebabkan dua (2) kematian setelah memakan umbut (upa) rotan di Tatau, Sarawak.

Jabatan ini melalui Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu telah menerima notifikasi berhubung satu (1) kejadian disyaki keracunan makanan pada 10 November 2025, melibatkan enam (6) individu tempatan di kawasan Sungai Maing, Daerah Tatau, Bintulu. Siasatan awal mendapati kumpulan tersebut telah memakan hidangan umbut (upa) rotan masak tumis belacan yang dikutip dari hutan berhampiran. Sejurus selepas memakan hidangan tersebut, kesemua kes (pesakit) mula mengalami gejala seperti muntah, pening, dan sesak nafas. Dua (2) pesakit tidak sedarkan diri dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian. Manakala, empat (4) lagi telah dibawa ke Klinik Kesihatan Tatau untuk rawatan awal, dan seterusnya dirujuk ke Hospital Bintulu bagi pemerhatian lanjut. Kedua-dua pesakit yang meninggal telah dihantar ke Jabatan Forensik, Hospital Bintulu untuk proses bedah siasat bagi mengenal pasti punca sebenar kematian.

Berdasarkan siasatan awal, kejadian ini **berkemungkinan berpunca daripada pengambilan umbut rotan yang beracun**. Umbut ('upa' dalam bahasa Iban) rotan adalah antara makanan hasil hutan yang biasa ditemui di pasar atau tamu sebagai hidangan tradisi penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat jenis yang beracun seperti **umbut matar** (*Plectocomiopsis mira*) yang mengandungi bahan neurotoksin semula jadi dan boleh menyebabkan gejala serius seperti muntah, sawan, dan membawa kepada kematian.

Orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati ketika mengambil hasil hutan untuk dijadikan makanan dan tidak memakan sebarang tumbuhan atau umbut rotan yang tidak dikenal pasti jenis dan keselamatannya. Pihak JKN Sarawak merakamkan ucapan takziah kepada keluarga kedua-dua mangsa.

-TAMAT-

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

